NO SOALAN :47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**17.03.2015**

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status tuntutan semula pinjaman kewangan yang telah diberikan kepada Syarikat National Feedlot Corporation (NFC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman Kerajaan oleh syarikat Nasional Feedlot Corporation (NFCorp) berjumlah RM250 juta ini perlu

dibayar balik bermula tahun 2012 sehingga 2028. Sejumlah RM75 juta dalam bentuk tunai diperolehi Kementerian Kewangan melalui perintah pelepasan harta yang disita, Seksyen 60, Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA).

2. Atas kegagalan NFCorp untuk menjelaskan bayaran, Kerajaan telah mengemukakan Notis Membaiki Kemungkiran kepada NFCorp pada 5 Mei 2014 dengan tempoh yang diberikan selama sembilan puluh (90) hari. Walau bagaimanapun, NFCorp telah gagal untuk meremedi kemungkiran tersebut. Lanjutan daripada itu, Kerajaan telah mengemukakan Notis Pengisytiharan *Event of Default* pada 4 September 2014 untuk penamatan perjanjian dan seterusnya akan mengambil tindakan undang-undang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN ABDUL AZIZ [PASIR MAS]

TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN : 48

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan proses terkini penyiasatan terhadap nahas pesawat Malaysia Airline MH17 di sempadan Ukraine-Rusia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Siasatan insiden MH17 terbahagi kepada dua (2) iaitu Siasatan Keselamatan – *International Civil Aviation Organisation (ICAO) Annex 13* dan Siasatan Jenayah.

Siasatan jenayah sedang dikendalikan oleh negara masing-masing seperti Malaysia, Australia, Ukraine dan Netherlands. *Joint Investigation Team (JIT)* yang diterajui oleh Netherlands dan dianggotai oleh Malaysia, Ukraine, Australia dan Belgium diwujudkan untuk melicinkan kerjasama antara Negara-negara berkepentingan.

Siasatan berdasarkan Annex 13 pula adalah merupakan siasatan dari aspek teknikal bertujuan bagi mengelakkan peristiwa yang sama berulang di masa akan datang. Siasatan ICAO Annex 13 tidak bertujuan untuk mencari dan mendakwa sesiapa yang menjadi penyebab sesuatu kemalangan udara tetapi adalah untuk mencari sebab sesuatu insiden atau *accident* berlaku dan membuat *Safety Recommendation.* Pasukan siasatan ini diketuai oleh Netherlands dan dianggotai oleh Malaysia, Ukraine, Rusia, Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom sebagai Accredited Representative (AR). Dua (2) negara dilantik sebagai pemerhati iaitu Belgium dan Jerman kerana terdapat rakyatnya yang terkorban dalam kejadian ini. Penyiasatan masih lagi sedang dijalankan.